

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Peruntukan RM12.4 juta kawal ulat bungkus

▶ MUKA 2

E-dagang perluas pasaran sawit

▶ MUKA 5



Sawit mangsa salah tanggapan, fobia EU

➔ Siew Keong pertahan industri sawit ketika berkunjung ke EU

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Teluk Intan

Salah tanggapan dan usaha melindungi tanaman tempatan mereka adalah antara faktor mengapa Kesatuan Eropah (EU) sering menyerang kemaraan industri sawit di persada industri minyak dan lemak dunia.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, beliau telah kerap berkunjung ke EU untuk mempertahankan industri sawit dan mendapati majoriti masyarakat di sana tidak tahu dan tidak pernah melihat tanaman sawit.

“Oleh kerana itu, maklumat mereka mengenai sawit adalah terbatasi dan juga berat sebelah. Tambahan lagi, mereka ada tanaman tempatan yang ditanam oleh petani tempatan, seperti biji sesawi, kacang soya, jagung dan zaitun. Mereka mempunyai kepentingan terhadap tanaman tempatan ini,” kata beliau semasa merasmikan Karnival Jelajah MSPO di sini, baru-baru ini.

Siew Keong berkata, keistimewaan dan kelebihan semula jadi sawit turut meningkatkan fobia EU terhadap industri sawit.

“Sawit adalah minyak serba guna dan sangat kompetitif. Ia mengandungi Vitamin A dan E; kolesterol sifar dan tiada asid lemak trans. Satu ekar sawit mampu menghasilkan antara

lima sehingga 10 kali ganda lebih banyak minyak berbanding sayuran lain,” katanya.

Siew Keong juga berkata masyarakat di EU beranggapan industri sawit di Malaysia diusahakan oleh syarikat besar dan berjaya.

40 peratus diusahakan pekebun kecil luar bandar

“Mereka salah sekali lagi. Daripada jumlah keluasan 5.8 juta hektar, sebenarnya 40 peratus keluasan sawit di Malaysia diusahakan oleh 650,000 pekebun kecil di luar bandar.

“Mereka juga ingat tanaman sawit menyebabkan penghapusan hutan dan peningkatan jejak karbon. Ini tidak benar, Malaysia masih melebihi piawaian yang ditandatangani dalam Perjanjian Rio (54% hutan). Penanaman sawit hanya 0.11% daripada tanah pertanian dunia. Tiada pembukaan tanah baru untuk sawit di Semenanjung Malaysia. Hanya pertukaran dari ladang getah dan aktiviti tanam semula,” tambah beliau.

Di Sarawak, 72.5 peratus daripada tanah negeri ditetapkan sebagai Hutan Kekal sementara Sabah mempunyai rangkaian *Totally Protected Area* terbesar di Malaysia.

Siew Keong berkata secara keseluruhan, industri sawit ini sudah ditadbir oleh lebih 60 peraturan dan undang-undang yang melibatkan semua aspek termasuk alam sekitar, kesihatan, dan perundangan buruh.

“Bagi saya ini bukan soal penanaman minyak sawit tetapi ini adalah kerana tindakan untuk melindungi kepentingan tanaman tempatan EU. Tidak adil, minyak sayuran lain boleh digunakan sebagai bio bahan api diesel hingga 2030, tetapi sawit setakat 2021. Tidak adil minyak sayuran lain tidak perlu pensijilan mampan, tetapi hanya sawit perlu semua syarat-syarat ketat ini,” katanya.

Siew Keong merujuk kepada Resolusi Parlimen EU yang



Datuk Seri Mah Siew Keong bersalaman dan beramah mesra dengan pengunjung Karnival Jelajah MSPO di Teluk Intan.

Fakta nombor

0.11 PERATUS daripada tanah pertanian dunia ditanam sawit

72.5 PERATUS tanah di Sarawak ditetapkan sebagai Hutan Kekal

kononnya ingin melindungi alam sekitar dan memperkenalkan sekatan terhadap industri sawit. Menjelang tahun 2020, kesemua import sawit ke EU perlu mempunyai pensijilan kemampanan dan minyak sawit akan diberhentikan dalam program bio bahan api EU mulai tahun 2021.

Beliau berkata pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) diperkenalkan agar pekebun kecil tidak terpinggir berikutan perkembangan terbaru dalam industri minyak dan lemak global.

Sumber pendapatan pekebun kecil akan terjejas sekiranya mereka tidak mempunyai pensijilan MSPO apabila dunia mula

memperketatkan syarat-syarat dalam perdagangan minyak sayuran di pasaran antarabangsa.

“Oleh kerana itu, saya harap pekebun kecil sedar kepentingan pensijilan MSPO.

“MSPO bukan lagi satu pilihan untuk kita, tapi satu kewajipan untuk kita terus pertahankan industri ini.

“MSPO penting untuk membuktikan kita jaga alam sekitar. MSPO adalah pensijilan yang komprehensif dan mesra pekebun kecil serta berlandaskan perundangan negara. MSPO juga adalah senjata kita untuk membidas tuduhan dan serangan tak henti-henti Barat terhadap kita,” tambah beliau.

Pencapaian dan sumbangan sektor komoditi perladangan negara termasuk industri sawit adalah amat besar. Kemajuan industri sawit di semua sektor telah menjana pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk luar bandar. Minyak sawit dan produk keluarannya dieksport ke lebih 200 buah negara yang turut disumbang oleh pekebun kecil yang mengusahakan lebih 40 peratus keluasan tanaman sawit negara.

Dengan keluasan tanaman sawit mencecah 5.8 juta hektar, industri sawit adalah tunggak sektor pertanian negara yang menyedia sumber ekonomi dan pendapatan kepada hampir 650,000 pekebun kecil sawit yang berada di seluruh pelosok negara.

Sejajar kepentingan meningkatkan pencapaian sektor pekebun kecil, Kerajaan memberi tumpuan penting melalui transformasi ekonomi negara dengan penyaluran bantuan dan insentif serta galakan Amalan Pertanian Baik.

Di bawah pelaksanaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), Kerajaan menyalur peruntukan kewangan, bantuan dan insentif melalui MPOB untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil.

Bantuan kepada pekebun kecil meliputi anak benih sawit berkualiti untuk tanam semula dan tanam baharu, bekalan baja dan input pertanian serta khidmat nasihat penanaman sawit yang disediakan secara percuma oleh MPOB.

Bagi memaksimumkan penggunaan kawasan tanaman sawit dan menjana pendapatan tambahan kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil, kerajaan juga menyediakan skim insentif integrasi tanaman serta ternakan dengan sawit.

Pembangunan pekebun kecil membabitkan tumpuan terhadap peningkatan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil melalui pematuhan Amalan Pertanian Baik. Justeru, Kerajaan juga menyalurkan bantuan kewangan bagi menggalakkan pembabitan pekebun kecil dalam pengeluaran sawit mampan melalui pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Kerajaan menanggung sepenuhnya pembiayaan kos pensijilan MSPO pekebun kecil merangkumi yuran pengauditan, yuran pemantauan tahunan, kos pembinaan stor dan rak, peralatan perlindungan diri, latihan serta dokumentasi.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan MPOB juga menyedia bantuan kewangan dan insentif bagi menggalakkan pembabitan dan penyertaan pekebun kecil dalam gerakan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM).

Peningkatan produktiviti dan kualiti buah tandan segar yang diusahakan oleh pekebun kecil dan jualan terus buah tandan segar melalui koperasi ke kilang sawit menyumbang peningkatan pendapatan pekebun kecil.

Kerajaan menyediakan peruntukan RM12.4 juta bagi menangani serangan ulat bungkus di kawasan tanaman sawit milik pekebun kecil. Peruntukan yang disediakan melalui MPOB bagi pelaksanaan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) bertujuan membanteras ancaman ulat bungkus melalui kaedah kawalan biologi yang berupaya mengurangkan pembiakan populasi ulat bungkus yang menjejaskan tanaman sawit.

Sebagai agensi penyelidikan, MPOB memberi tumpuan penting kepada bidang penyelidikan dan pembangunan bagi penghasilan inovasi dan teknologi baharu di setiap peringkat dalam industri sawit. Di sektor hulu, penggunaan mekanisasi perladangan mampu meningkatkan kecekapan dan produktiviti, mengamalkan pertanian jitu dan automasi untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh.

Amalan mekanisasi menyumbang peningkatan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil. Sebagai galakan amalan mekanisasi di sektor sawit, Kerajaan menyediakan dana serta insentif berjumlah RM30 juta.

Pembangunan mampan industri sawit negara turut membabitkan penghasilan produk tambah nilai merangkumi produk makanan dan kesihatan, biojisim, oleokimia dan biodiesel. Peruntukan dan insentif tersedia kepada pihak industri dan syarikat untuk terbabit dalam pengkomersialan teknologi bagi penghasilan produk tambah nilai.

Kerajaan komited meningkatkan kemajuan industri sawit bagi memastikan perkembangannya terus relevan dan kekal sebagai satu daripada sektor utama penjana ekonomi negara. Oleh itu, semua pihak terbabit, terutama pihak industri wajar terus menyokong usaha dilaksanakan kerajaan melalui kementerian dan MPOB bagi kesejahteraan industri sawit negara.

kushairi@mpob.gov.my



MINDA
Datuk Dr Ahmad
Kushairi Din

**Ketua Pengarah
MPOB**



Datuk Seri Mah Siew Keong melihat kesan serangan ulat bungkus pada pokok sawit pekebun kecil di Sg. Suli, Teluk Intan.

Peruntukan RM12.4 juta kawal ulat bungkus

➔ Semburan biologi guna bakteria *Bacillus thuringiensis* guna kapal terbang, dron

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad**
watie@mpob.gov.my

✦ **Teluk Intan**

Pelaksanaan pengurusan perosak bersepadu (Integrated Pest Management - IPM) oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya mengawal serangan ulat bungkus di kawasan tanaman sawit yang terjejas akibat perosak berkenaan.

IPM membabitkan penggunaan bakteria *Bacillus thuringiensis* (BT) secara semburan udara. Ia tidak berbahaya kepada manusia, serangga bukan sasaran serta alam sekitar.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi sementara, Da-

tuk Seri Mah Siew Keong yang menyertai pekebun kecil dan menyaksikan semburan udara Bt di kawasan serangan ulat bungkus di Sg. Suli berkata, seluas 537 hektar tanaman sawit pekebun kecil di kawasan berkenaan diserang ulat bungkus.

Katanya, kerajaan telah meluluskan dana berjumlah RM12.4 juta bagi tujuan kawalan bersepadu ulat bungkus.

“Dana berkenaan yang disalurkan melalui MPOB akan membantu pekebun kecil sawit persendirian bagi mengawal serangan ulat bungkus.

Katanya, IPM juga dilaksanakan melalui penanaman 300 tumbuhan bermanfaat *Turnera sp.* secara bergotong royong bersama pekebun kecil dan pemasangan perangkap feromon asli sebagai langkah kawalan biologi untuk mengurangkan populasi ulat bungkus.

“Serangan ulat bungkus semakin serius di kawasan tanaman sawit terutama yang dimiliki oleh pekebun kecil persendirian.

“Kesan serangan ini boleh menyebabkan kerugian hasil sawit pada kadar 33 hingga 47 peratus yang mampu menjejaskan pendapatan negara dan memberi impak kepada pekebun kecil dan pene-

roka yang bergantung harap kepada hasil sawit untuk menyara kehidupan seharian.

Dua tahun untuk pulih

Katanya, serangan ulat bungkus yang serius biasanya mengambil masa sehingga dua tahun untuk dipulihkan sepenuhnya melalui kawalan secara bersepadu. Berikutan impak yang serius, ulat bungkus diwartakan sebagai makhluk perosak berbahaya di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 pada 15 November 2013.

“Berdasarkan data yang direkodkan MPOB, hampir 28,000 hektar kawasan tanaman sawit pekebun kecil terjejas akibat serangan ulat bungkus.

“Situasi serangan ulat bungkus perlu ditangani segera dengan strategi amalan pertanian baik dan implementasi pengurusan perosak bersepadu.

Beliau menambah, kerjasama semua pihak terbabit diperlukan bagi menangani serangan ulat bungkus yang semakin serius.

“Strategi dan langkah kawalan yang sedang dijalankan diharapkan mampu mengurangkan masalah ulat bungkus dan menyumbang kepada kesejahteraan industri sawit negara,” katanya.

KPSM tingkat pendapatan pekebun kecil

➔ Penanaman sawit ikut Amalan Pertanian Baik, jual BTS terus ke kilang

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

▀ Teluk Intan

Sehingga kini 43 Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) ditubuhkan di seluruh negara bagi menyatukan pekebun kecil untuk menjalankan penanaman sawit mengikut Amalan Pertanian Baik dan jualan buah tandan segar (BTS) secara terus ke kilang.

“Peruntukan sebanyak RM1.12 juta disediakan kerajaan bagi penubuhan KPSM. Sebanyak RM40,000 diperuntukkan bagi menubuhkan sebuah koperasi dan bagi memperkasakan peranannya, kerajaan juga memperuntukkan dana sebanyak RM200,000 bagi pembinaan pusat timbang BTS yang dikendalikan oleh KPSM,” kata Ketua Setiausaha Kementerian Pe-

rusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk K. Yogeessvaran ketika berucap merasmikan Pusat Timbang KPSM Teluk Intan Berhad di sini, baru-baru ini.

Katanya, kerajaan menyasarkan penubuhan 65 KPSM sehingga 2020.

“Daripada 43 KPSM yang telah ditubuhkan, 25 telah memulakan jualan secara kelompok BTS terus ke kilang dan mencatatkan peningkatan harga jualan dan pendapatan pekebun kecil berbanding jualan melalui peniaga buah sawit.

Katanya, pembinaan Pusat Timbang KPSM Teluk Intan Berhad diyakini memberi manfaat secara langsung kepada pekebun kecil yang menyertai keahlian KPSM.

“Oleh itu, saya menggesa supaya lebih ramai pekebun kecil mendaftar keahlian KPSM untuk merebut faedah yang disediakan melalui kegiatan koperasi.



Datuk K. Yogeessvaran memotong riben perasmian Pusat Timbang KPSM Teluk Intan Berhad.



Saya menggesa supaya lebih ramai pekebun kecil mendaftar keahlian KPSM untuk merebut faedah yang disediakan melalui kegiatan koperasi”

Datuk K. Yogeessvaran,
Ketua Setiausaha Kementerian
Perusahaan Perladangan
dan Komoditi (MPIC)

Pendekatan turun padang

Beliau turut berkata, penganjuran program seumpama ini juga merupakan antara pendekatan turun padang kerajaan bertemu pekebun kecil selain memberi penerangan dan hebahan maklumat mengenai usaha meningkatkan sumbangan dan peranan pekebun kecil dalam penanaman sawit.

Katanya, tanaman sawit adalah komoditi pertanian utama negara dengan keluasan tanaman melebihi 5.8 juta hektar dan 40 peratus daripadanya diusahakan oleh 650,000 pekebun kecil.

“Kemajuan pesat industri sawit memberi manfaat dalam mem-

bangunkan ekonomi dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk terutamanya di luar bandar.

“Industri sawit juga terus menerus mencatat pencapaian memberangsangkan terutama dari segi pengukuhan harga minyak sawit. Pengukuhan harga sawit penting bagi memastikan pendapatan pekebun kecil terus meningkat seiring dengan industri lain,” katanya.

Katanya, sejajar dengan usaha meningkatkan kemajuan industri sawit, kerajaan melaksanakan pelbagai program dan menyediakan insentif serta bantuan kepada pekebun kecil.

Terap Industri 4.0 dalam aktiviti industri sawit

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi Industri sawit negara perlu bergerak seiring dengan ledakan revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0) sebagai usaha meningkatkan lagi prestasi dan pertumbuhan sektor itu.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, pengusaha industri sawit negara seharusnya berada di barisan hadapan dalam menerapkan penggunaan teknologi baharu untuk menambah nilai kepada industri sawit.

“Sebagai contoh, adalah penting untuk industri sawit meningkatkan tahap mekanisasi, mengamalkan pertanian jitu dan automasi di peringkat aktiviti hulu untuk mengurangkan kebergantungan kepada buruh.

“Peningkatan produktiviti akan membawa pulangan dan pihak kerajaan juga mewujudkan dana serta insentif untuk meningkatkan mekanisasi dan automasi,” kata be-

liau pada pelancaran Mesyuarat Jawatan Kuasa Penasihat Program (PAC) 2018 anjuran MPOB di sini, baru-baru ini.

Ahmad turut mengesyorkan, industri sawit mengambil inisiatif serius dalam menerapkan penggunaan teknologi maklumat bagi mengesan rantaian pengeluaran sawit untuk memastikan minyak sawit dihasilkan secara mampan.

Industri 4.0 yang melibatkan teknologi automasi memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital itu untuk kekal berdaya saing.

Revolusi perindustrian

Sebelum ini, revolusi perindustrian pertama bergantung kepada penggunaan mesin berkuasa wap. Revolusi perindustrian kedua pula melibatkan kuasa elektrik. Diikuti revolusi perindustrian ketiga berasaskan teknologi maklumat dan komputer sebagai tonggaknya.

Industri 4.0 bakal menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik kerana ia mampu meningkatkan produktiviti, menjadikan kos lebih rendah dan melonjak hasil berlipat ganda.

Industri 4.0 membabitkan pelbagai bidang termasuk automasi, robotik, pengkomputeran awan, kecerdasan buatan (AI) dan internet untuk segala-galanya di samping mengambil peluang dalam kemajuan bidang komunikasi.

Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Teknologi automasi di bawah Industri 4.0 dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung.

Ini dapat mengatasi masalah kebergantungan terhadap sumber tenaga yang secara signifikan akan mengubah masa depan dunia pekerjaan.



Datuk Seri Ahmad Hamzah berucap merasmikan Mesyuarat PAC 2018 di Bangi.

Perkongsi maklumat sawit diperhebat

➔ MPOB guna peluang di London, Helsinki sebar luas informasi

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

▀ Helsinki, Finland

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din membentangkan kertas kerja bertajuk *Malaysian Palm Oil Industry: Current Scenario and Growth Prospects* sempena *Oils and Fats Conference* yang berlangsung pada 24 – 25 April 2018 di London, United Kingdom.

Kertas kerja berkenaan menyentuh beberapa aspek merangkumi maklumat berkaitan MPOB dan industri sawit negara, prestasi industri pada 2017, isu dan cabaran dihadapi serta langkah menanganinya, perbandingan minyak sawit dengan minyak sayuran lain dan prospek industri sawit Malaysia.

Penyertaan MPOB dalam persidangan itu adalah penting kerana ia dihadiri pakar industri minyak dan lemak dunia.

Peluang itu digunakan sepenuhnya untuk menyebarkan maklumat tepat mengenai industri sawit yang meliputi aspek kemampuan, produktiviti, kepelbagaian dan daya saing industri sawit negara.



Datuk Dr Kushairi (tiga dari kanan) pada mesyuarat bersama pihak Neste di Helsinki.

Persidangan itu turut menyediakan platform terbaik mendapatkan maklumat mengenai perkembangan terkini industri minyak dan lemak lain serta berinteraksi dengan peserta dari pelbagai latar belakang.

Ketika berada di Eropah, Datuk Dr Kushairi turut menghadiri mesyuarat dengan Neste yang beribu pejabat di Helsinki, Finland.

Mesyuarat yang diatur oleh Duta Besar Malaysia ke Finland, Dato' Blanche Olbery turut dihadiri Setiausaha Pertama Kedutaan Besar Malaysia, Norhalilah Abdul Jalil, wakil Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dari Stockholm, Sunita Navaratnam dan Pengurus Serantau Eropah MPOB, Dr Puah Chiew Wei.

Neste adalah pengeluar bio bahan api menggunakan bahan mentah berasaskan minyak sawit dan distilat asid lemak sawit (*palm fatty*

acid distillate – PFAD).

Bagi tempoh 2010 hingga 2017, Neste membelanjakan EURO7.4 bilion (RM35 bilion) untuk mendapatkan bekalan bahan mentah berasaskan sawit dengan kapasiti pengeluarannya mencapai 2.6 juta tan dan dijangka meningkat kepada 4 juta tan menjelang 2022.

Neste berbangga kerana bekalan bahan mentahnya adalah mampan dan boleh dikesan (*traceability*). Bekalan minyak sawit yang digunakannya boleh dikesan sepenuhnya sehingga ke ladang sawit ssejak 2007, manakala PFAD disasar boleh dikesan sepenuhnya menjelang 2020.

Pada 17 Januari 2018, Parlimen Eropah meluluskan cadangan pindaan *Renewable Energy Directive* yang menyisihkan (*single out*) penggunaan biobahan api berasaskan sawit dalam pengiraan sasaran tenaga boleh diperbaharui

Kesatuan Eropah.

Bincang tindakan susulan

Tindakan ini menjejaskan perancangan Neste dalam memelopori industri bio bahan api di Eropah. Tambahan pula, Neste mendapat pendedahan mendalam mengenai perkembangan dan pembangunan industri sawit Malaysia yang mampan.

Oleh itu, mesyuarat itu menyediakan platform terbaik untuk membincangkan tindakan susulan dan kerjasama yang boleh diterokai bersama.

MPOB menjelaskan pelbagai langkah dan usaha yang dilaksanakan di Malaysia dalam menangani cadangan pindaan perundangan berkenaan.

Ini termasuk membangkitkan isu berkaitan di Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organization* – WTO), menganjurkan

perbincangan diplomatik dua hala dan meneruskan usaha menjemput Ahli Parlimen Eropah (*Members of the European Parliament* – MEPs) untuk melihat sendiri amalan mampan industri sawit Malaysia.

Pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MS-PO) secara mandatori menjelang 31 Disember 2019 serta langkah untuk mendapatkan pengiktirafan Suruhanjaya Eropah bagi MSPO turut dibincangkan.

Usaha Malaysia dalam mengemukakan lebih 50% jumlah kawasan di Malaysia sebagai kawasan lindungan hutan, inisiatif memelihara kawasan hutan bawah program *Heart of Borneo* dan *Central Forest Spine* juga dibangkitkan.

Neste menyokong usaha yang dilaksanakan, terutama Program Suai Kenal Minyak Sawit untuk MEPs.

Neste juga bersetuju meningkatkan kerjasama dalam perkongsian maklumat dan memberi cadangan supaya komunikasi yang berkesan dan memastikan ketelusan dalam penyampaian maklumat positif perlu ditingkatkan dalam menangani isu ini.

Dialog berterusan dengan para penggubal dasar di Kesatuan Eropah (EU) perlu diadakan. Di samping itu, data saintifik dan statistik yang tepat dan benar perlu disebar.

MPOB akan meneruskan dialog seumpama ini dengan para pengguna minyak sawit dan produk sawit di EU untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai masalah dihadapi.

Penggiat industri didedah maklumat dagangan sawit

Oleh Mohd Firdaus Othman dan Insyirah Mohd Shah
fidos@mpob.gov.my/
insyirah@mpob.gov.my

Bangi: Seramai 144 peserta mewakili pelbagai agensi kerajaan dan organisasi swasta menyertai sesi interaksi bersama Penggiat Industri Sawit Malaysia anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini, baru-baru ini.

Program tahunan itu diadakan sempena kehadiran Pengurus Serantau MPOB di luar negara yang pulang ke tanah air bagi menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) kali ke-38 di ibu pejabat MPOB.

Interaksi dihadiri wakil industri seperti Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), FELDA, Persatuan Pekilang-pakilang Minyak Makan Malaysia (MEOMA), Persatuan Minyak Sawit

Malaysia (MPOA) dan wakil syarikat perladangan negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Penedilikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata program anjuran MPOB itu berkongsi maklumat terkini berkaitan perkembangan perdagangan dan cabaran perlu dihadapi di negara pasaran utama sawit.

Beliau berkata, sesi interaksi seumpama itu akan mewujudkan pemahaman lebih baik mengenai pelbagai isu dan cabaran dihadapi minyak sawit Malaysia di rantau yang berbeza.

Persepsi negatif

“Sejak kebelakangan ini, industri sawit terjejas akibat persepsi negatif, terutama dari Eropah yang menimbulkan agenda anti-sawit secara meluas dan menjejaskan kehidupan masyarakat kita terutama pekebun kecil,” katanya ketika berucap merasmikan program



Sebahagian peserta yang menghadiri sesi interaksi bersama penggiat industri sawit.

berkenaan, mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Katanya, kempen anti minyak sawit Eropah memainkan isu, termasuk penebangan hutan, kemusnahan biodiversiti, ancaman habitat hidupan liar, terutama orang utan, penanaman sawit di tanah gambut, buruh paksa dan kanak-kanak serta kesan buruk terhadap kesihatan akibat lemak tepu menyering minyak sawit.

“Terbaharu, Agensi Keselamatan

Makanan Eropah (EFSA) mencetuskan perdebatan mengenai 3-MCPD, ester glikosil dan larangan biodiesel minyak sawit pada 2021 oleh Parlimen Eropah.

“Justeru, sesi interaksi ini adalah platform bagi peserta memperoleh pemahaman terhadap dinamik pasaran, kehendak pelanggan, isu terkini setiap rantau dan seterusnya menggalakkan kerjasama dengan MPOB melalui pengurus serantau bagi meningkatkan penerimaan minyak sawit Malaysia,” katanya.

Antara isu semasa diketengahkan adalah peningkatan duti import ke atas minyak sayuran di India, kekurangan informasi mengenai kelebihan minyak sawit yang di dapati wujud dalam kalangan masyarakat tempatan serta kemuncak cabaran terkini dari Eropah adalah Resolusi Parlimen Kesatuan Eropah untuk mengharuskan penggunaan bio bahan api berasaskan sawit sepenuhnya dalam sektor pengangkutan mulai 2021.

E-dagang perluas pasaran sawit

Platform alternatif baharu tingkat daya saing komoditi di pasaran dunia

Oleh Insyirah Mohamad Shah
insyirah@mpob.gov.my

Bangi

Pemasaran produk sawit melalui platform e-dagang adalah satu alternatif baharu kepada penggiat industri sawit bagi mempelbagaikan strategi pemasaran, di samping meningkatkan daya saing produk berasaskan sawit Malaysia di pasaran dunia.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata platform e-dagang akan memperluaskan pasaran produk sawit Malaysia pada peringkat global.

Beliau berkata, Malaysia tidak perlu lagi bergantung kepada sawit sebagai komoditi pukal semata-mata.

“Perkembangan Revolusi Perin-

dustrian bermula sejak kurun ke-19, di mana arang batu dan kuasa stim menjadi penggerak utama industri pada masa itu. Tenaga elektrik dan komunikasi pula menjadi pencetus kepada Revolusi Perindustrian Kedua pada kurun ke-20, diikuti oleh rangkaian internet yang menerajui Revolusi Perindustrian Ketiga.

Alternatif baharu
“Penjualan produk sawit melalui platform e-dagang adalah satu alternatif baharu sebagai strategi pemasaran di samping meningkatkan daya saing produk berasaskan sawit Malaysia di pasaran dunia,” katanya ketika berucap merasmikan Seminar Go E-Commerce and Cross Border di ibu pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini.

Seminar berkenaan adalah anjuran MPOB syarikat e-dagang halal pertama dunia, AladdinStreet.

Penganjuran seminar adalah susulan pemeteraian memorandum persefahaman di antara MPOB dan AladdinStreet pada November tahun lalu, dalam menjalinkan kerjasama strategik bagi meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia menerusi platform e-dagang.

Seminar membentangkan tiga kertas kerja iaitu oleh Timbalan Presiden Pemasaran AladdinGlobal, Datuk Sri Dr Vincent Tiew; Felo Penyelidik Kanan MPOB, Dr Ooi Cheng Keat; dan wakil Perbadanan Pem-



Para pembentang kertas kerja pada Seminar E-Commerce and Cross Border di Bangi.

bangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Adhwa Azmil.

Pembentangan yang disampaikan berkait rapat dengan perdagangan antarabangsa Malaysia terutama sekali dengan negara China dan bertujuan untuk menarik minat pemain industri dalam bidang e-dagang bagi memasarkan produk mereka sejajar dengan agenda Revolusi Perindustrian Keempat.

Peserta turut didedahkan kepada pelbagai insentif perniagaan

yang disediakan oleh MATRADE berbentuk bantuan kewangan serta khidmat nasihat perniagaan menerusi program eTRADE.

Transaksi e-dagang RM74b
Kerajaan China pula menawarkan polisi dan insentif khas bagi transaksi e-dagang termasuk penguangan cukai.

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, transaksi e-dagang negara sudah mencatat nilai RM74 bilion (USD19 bilion) pada

tahun 2016 dan menyumbang sebanyak 6.1 peratus kepada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Di China, jumlah pembeli atas talian meningkat daripada 247 juta orang pada 2012 kepada 516 juta orang pada 2017.

Pada masa sama, nilai pembelian melalui platform e-dagang turut melonjak 167 peratus daripada RM1.12 trilion (USD285 bilion) pada tahun 2013 kepada RM 2.78 trilion (USD 714 bilion) pada 2017.

Prospek sawit cerah di Rusia, Ukraine



Dr Ahmad Parveez (kanan) ketika berinteraksi dengan peserta seminar di Bangi, baru-baru ini.

Oleh FadzilGhazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Di sebalik kemelut perdagangan minyak sayuran berikutan tindakan Kesatuan Eropah (EU) ingin menyingkir minyak sawit daripada program bio bahan apinya menjelang 2021, dua negara di Eropah yang bukan ahli EU mempamerkan prospek cerah untuk menjadi pasaran yang signifikan.

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata Persekutuan Rusia dan Ukraine adalah dua negara berpotensi besar menjadi pasaran sawit di Eropah.

“Potensi pertumbuhan permin-

taan untuk minyak sawit di kedua negara ini berdasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) di sana yang akan meningkatkan penggunaan per kapita,” katanya ketika membentangkan kertas kerja di Seminar Mini MPOB-UKM di sini, baru-baru ini.

Tambah nilai industri
Dr Ahmad Parveez berkata, tambahan nilai industri sawit hiliran seperti fitonutrien dan bahan terbitan oleokimia turut mempunyai prospek cerah di kedua-dua negara itu.

Pada keluasan 17.08 juta kilometer persegi, Rusia negara terbesar di dunia.

Rusia juga negara kesembilan teramai penduduk iatu 143 juta. Wilayahnya menjangkau seluruh

Asia utara dan 40 peratus tanah Eropah, merangkumi sembilan zon waktu serta pelbagai jenis persekitaran dan rupa bumi.

Ukraine negara ke-44 terbesar di dunia dengan keluasan 603,628 kilometer persegi. Negara di Eropah Timur dengan penduduk seramai 42.5 juta, Ukraine negara ke-32 dari segi jumlah taburan penduduk.

Alih guna minyak cecair
Pada 2017, Rusia mengimport 26,346 tan minyak sawit Malaysia berbanding 23,570 tan pada 2016. Ukraine pula mengimport 35,415 tan minyak sawit pada 2017 berbanding 27,553 tan pada 2016.

Dr Ahmad Parveez berkata, pasaran di Pakistan beralih kepada penggunaan minyak cecair terutamanya di kawasan bandar selari dengan trend dunia berikutan bertambahnya minyak seumpama itu.

Sehingga kini, olein sawit di Pakistan adalah pek pengguna di bawah jenama ‘Minyak’ yang diimport dari Malaysia.

Dr Ahmad Parveez berkata, adunan olein sawit bersama minyak atau lemak lain akan dapat memenuhi kehendak pengguna secara lebih meluas dan meningkatkan kewujudan olein sawit pada bulan dingin di sana.

ANNOUNCEMENT

Mark your calendar now!

TOT 2018

24TH MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR AND EXHIBITION

Tuesday, 3 July 2018
MPOB Head Office, Bangi, Selangor

To be Officiated by
Minister of Plantation Industries and Commodities

TOT seminar contributes towards energising the industry with innovations and opportunities for wealth creation by offering new technologies and services for adoption and commercialisation.

Technologies and services related to:

- Plantation
- Biotechnology
- Milling and Processing
- Oleochemical
- Food and Nutrition

Launch of the new technologies and services
Exhibition on new products and services

ENQUIRIES:
Registration

- Nurul Aishah Musa
03-8769 4568
nurul.aishah.musa@mpob.gov.my

Technical

- Suraya Mohamad
03-8769 4579
tot@mpob.gov.my

Isirung sawit premium pelengkap nutrisi ternakan

➔ PKC lebih mudah dihadam



Isirung sawit premium untuk makanan ternakan yang dihasilkan di kilang.



Ayam yang menggunakan dedak makanan rumusan MPOB mempunyai kandungan lemak yang rendah.

Oleh Che Rahmat Che Mat, Nur Affifah Baharim
cherahmat@mpob.gov.my, affifah@mpob.gov.my

Pada tahun 2016 sahaja, Malaysia mengeksport sebanyak 2.4 juta tan hampas isirung sawit atau juga dikenali sebagai Palm Kernel Cake (PKC).

Dianggarkan 90 peratus PKC yang dihasilkan oleh negara ini dipasarkan ke negara seperti New Zealand, Australia dan juga Korea Selatan.

Negara-negara ini sejak sekian lama telah menggunakan PKC sebagai ramuan asas untuk membuat makanan ternakan mereka terutamanya haiwan ruminan seperti lembu dan kambing.

Ini kerana PKC mengandungi nutrisi yang dapat membantu

melengkapkan nutrien yang diperlukan oleh haiwan tersebut.

Selain itu, dengan menggantikan sebahagian ramuan asas makanan ternakan dengan PKC, ianya dapat mengurangkan kos untuk menghasilkan makanan ternakan.

Harga PKC jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga bahan asas lain seperti jagung, soya dan gandum.

PKC adalah produk sampingan yang terhasil apabila isirung kelapa sawit diproses untuk mendapatkan minyak isirung sawit melalui proses mekanikal.

Teknologi pembersih isirung sawit

PKC ini kebiasaannya mengandungi kandungan tempurung sawit yang agak tinggi iaitu sebanyak lapan sehingga 12 peratus. Justeru kurang sesuai untuk dirumuskan dalam

makanan ternakan monogastrik seperti ayam dan itik.

Dengan teknologi pembersih isirung sawit yang dibangunkan hasil kerjasama antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Hur Far Engineering Works Sdn Bhd dan Sime Darby Plantation Berhad, telah berjaya menghasilkan PKC bergred premium yang mempunyai kandungan tempurung sawit serendah empat peratus dan kandungan fiber mentah yang kurang daripada 12 peratus dan kandungan protin sebanyak 16 peratus.

PKC gred premium ini lebih mudah untuk dihadam dan bersesuaian untuk kegunaan haiwan ternakan monogastrik seperti ayam, ikan, burung, dan itik.

Hasil kajian sekumpulan penyelidik MPOB yang diketuai oleh Rohaya Mohamed Halim berjaya mengurangkan kandungan tempurung

sawit dalam PKC dan secara tidak langsung membolehkan PKC mempunyai kandungan protin yang lebih tinggi.

Hampas isirung sawit premium (Purafex)

Ianya adalah bahan asas yang ideal untuk dijadikan sebagai makanan ternakan yang diperlukan oleh haiwan ternakan monogastrik dan haiwan ternakan ruminan seperti lembu, kambing dan kerbau.

Dedak isirung sawit premium atau dikenali sebagai Ultra Refined Palm Kernel Expeller (Purafex) telah dilancarkan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 25 April 2017. Purafex yang dihasilkan menggunakan teknologi pembersih isirung sawit telah dikomersialkan di kilang pelumat isirung milik Sime Darby Plantations Berhad, Pulau Carey, Selangor.

Purafex yang dihasilkan dapat membekalkan tenaga dan protin yang diperlukan oleh haiwan ternakan dan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap bahan asas yang diimport untuk menghasilkan makanan ternakan seperti jagung, kacang soya dan juga gandum yang mempunyai kos yang agak tinggi.

Hasil penyelidikan yang dijalankan, MPOB berjaya membangunkan dedak makanan ayam berasaskan sawit dengan menggunakan sehingga 45 peratus kandungan PKC (Purafex) dalam rumusannya.

Dedak makanan ayam berasaskan sawit

Ini adalah jauh lebih tinggi berbanding rumusan penyelidik lain yang terdahulu hanya menggunakan tidak lebih daripada 10 peratus PKC kerana faktor kandungan tempu-

rung sawit yang tinggi dalam PKC yang terdapat di pasaran.

Kajian pemakanan yang dijalankan secara berperingkat terhadap kira-kira hampir 50,000 ekor ayam (ayam daging dan ayam kampung) juga mendapati ayam yang menggunakan rumusan yang dibangunkan MPOB mempunyai kandungan lemak yang rendah dan mampu mencapai tumbesaran yang hampir sama berbanding penggunaan makanan ternakan komersial.

PKC sebagai bahan asas untuk menghasilkan makanan ternakan khususnya ternakan popular seperti ayam dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan mengurangkan kebergantungan kepada

makanan tambahan ternakan dari luar negara yang lebih mahal.

Kos bahan makanan ternakan rendah

Selain itu, dengan kos bahan makanan ternakan yang rendah ini akan menggalakkan lebih ramai usahawan tempatan menceburi industri ternakan khususnya golongan muda.

Sehingga kini, negara mengimport sebanyak 50 peratus bahan mentah dari negara luar seperti jagung dan kacang soya untuk rumusan makanan tambahan ternakan.

Nilai makanan tambahan ternakan seperti jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil pada

tahun 2015 sahaja telah mencecah USD 417 juta dan USD 321 juta.

Nilai ini semakin bertambah dari tahun ke tahun bagi menampung pertumbuhan permintaan bekalan makanan ternakan untuk menampung pertumbuhan rakyat Malaysia.

Penambahan kos makanan tambahan secara mendadak dari tahun ke tahun memberi kesan langsung kepada kenaikan harga haiwan ternakan khususnya ayam di pasaran tempatan.

Diharapkan dengan adanya hampas isirung sawit premium, harga ternakan di pasaran akan dapat dikurangkan selain mengurangkan pengaliran wang ke negara luar dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada generasi muda.

Formulasi konfeksi ais berasaskan sawit

Oleh Wan Rosnani Awg Isa
wros@mpob.gov.my

Konfeksi ais adalah pemanis mulut (dessert) sejuk beku diperbuat melalui proses mendinginbekukan air dengan campuran ramuan makanan lain seperti susu atau produk tenusu, lemak sayuran, gula, pewarna, perisa dan bahan aditif makanan (Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985).

Komponen lemak merupakan ramuan utama dalam konfeksi ais. Ianya berfungsi sebagai pembawa perisa dan rasa berlemak serta berkrim seperti kebanyakan konfeksi ais.

Lemak susu adalah lemak yang paling kerap digunakan dalam penghasilan ais krim.

Lemak susu adalah hasil campuran susu, krim, mentega, dan lemak susu kontang (AMF). Apabila lemak susu digantikan dengan lemak sayuran, nama ais krim dikenali sebagai konfeksi ais.

Minyak isirung sawit dan minyak kelapa adalah dua jenis minyak yang biasa digunakan dalam pembuatan konfeksi ais.

Minyak-minyak ini biasanya penghidrogenan sebelum diguna sebagai lemak dalam konfeksi ais.

Penghidrogenan dilakukan untuk mendapatkan takat keleburan yang

meyerupai lemak susu dan juga kandungan lemak yang tidak mudah lebur pada suhu tertentu yang diperlukan.

Minyak isirung sawit dan minyak kelapa sememangnya kaya dengan kandungan asid lemak tepu dan harganya juga jauh lebih mahal berbanding minyak sawit.

Minyak sawit secara semula jadi mengandungi asid lemak tepu dan tak tepu yang seimbang dan boleh diguna untuk pelbagai aplikasi produk makanan.

Palm Mid Fraction (PMF) terhasil daripada proses pemeringkatan dua kali minyak sawit iaitu dalam proses pemeringkatan minyak olein sawit untuk mendapatkan olein super.

PMF banyak diguna dalam penghasilan lemak khusus untuk pembuatan coklat sebagai gantian lemak koko sperti dalam pembuatan mentega koko gantian.

Selain itu PMF juga didapati sesuai sebagai stok keras untuk lemak bakeri dan majerin untuk kek.

Penyelidikan mengenai kegunaan PMF dalam konfeksi ais juga telah berjaya dijalankan.

Jika dibuat perbandingan harga dengan minyak isirung sawit, minyak kelapa dan lemak susu, harga PMF didapati lebih murah berbanding dengan minyak-minyak tersebut.

Oleh itu, penggunaan PMF sebagai bahan lemak dalam konfeksi ais adalah lebih jimat berbanding

minyak isirung sawit dan minyak kelapa.

Hasil kajian mendapati empat jenis lemak berasaskan PMF telah diformulasi dan sesuai untuk konfeksi ais. Konfeksi ais yang dihasilkan daripada lemak berasaskan PMF mempunyai rupa yang gebu dan rasa lemak berkrim dimulut.

Prospek pasaran

Lemak konfeksi ais berasaskan PMF mempunyai potensi sebagai bahan lemak dalam industri pembuatan aiskrim/konfeksi ais.

Terdapat beberapa jenis produk konfeksi sejuk beku dipasaran tempatan.

Jumlah anggaran pelaburan bagi konfeksi ais adalah RM2,061,356.00 dengan aset modal sebanyak RM486,943.00.

Konfeksi ais boleh dijual dengan harga RM6.80 satu kilogram (kg). Pengusaha akan menjana pendapatan sebanyak RM249,358.00 dalam tempoh masa tiga tahun.

Harga semasa konfeksi sejuk beku di pasaran juga adalah jauh lebih rendah iaitu antara RM7.99 – RM8.99 satu kg berbanding ais krim tenusu iaitu diantara RM15.00 – RM 49.40 satu kg.

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan teknologi ini, sila hubungi Pegawai Penyelidik MPOB, Wan Rosnani Awg Isa melalui email wros@mpob.gov.my.



Lemak berasaskan sawit sesuai untuk konfeksi ais.



Konfeksi ais berasaskan lemak sawit.

Info

Formulasi lemak konfeksi ais berasaskan sawit

- ➔ Kos bahan yang efektif
- ➔ Bebas asid lemak trans
- ➔ Bebas kolesterol

Minyak, lemak saling memerlukan

➔ Tekanan Kesatuan Eropah tak kena pada tempatnya

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Bangi

Walaupun sering diserang di persada global, masyarakat antarabangsa perlu akur bahawa keperluan minyak masak dunia tidak dapat dipenuhi tanpa industri minyak sawit.

Pengarah Eksekutif Oil World, Thomas Mielke, berkata industri minyak sawit tidak lekang daripada pelbagai tohmahan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Barat yang mengaitkannya dengan

isu penyahhutan, ancaman kesihatan dan kemampuan.

"Isu resolusi Kesatuan Eropah (EU) mengenai polisi bio bahan apinya adalah antara serangan terkini," kata Mielke ketika membentangkan kertas kerja pada Seminar Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) 2018 di sini, baru-baru ini.

Seminar berkenaan dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sempena Mesyuarat PAC 2018.

Parlimen Kesatuan Eropah sudah meluluskan satu resolusi untuk memberhentikan penggunaan minyak sawit dalam program bio bahan api EU bermula pada 2021.

Blok ekonomi itu turut menyuarakan keperluan pensijilan kemampuan kepada import minyak sawit ke EU menjelang tahun 2020.

Mielke berkata, masa hadapan industri sawit melangkaui apa yang sedang berlaku di EU kerana dari perspektif kuantiti pengambilan minyak sawit, EU kini semakin menjadi kurang penting.

"Masa hadapan minyak sawit tidak bergantung kepada EU. Industri sawit perlu meletak segalanya dalam perspektif dan melihat melepasi perkembangan yang sedang berlaku di sana.

"Walaupun Eropah merancang untuk mengurangkan penggunaan minyak sawit dalam bio bahan api mereka, data menunjukkan sebaliknya memandangkan jumlahnya semakin meningkat," tambah beliau.

Kebergantungan terhadap minyak sawit meningkat

Beliau berkata, industri minyak sawit bukan berada dalam situasi merugikan, kerana dunia memerlukan minyak sawit dan kebergantungan kepadanya semakin meningkat.

"Minyak sawit perlu memenuhi keperluan makanan dunia. Permintaan dunia untuk minyak dan lemak meningkat dengan pantas setiap tahun. Keluasan kawasan tanaman minyak sayuran pula adalah terhad," katanya.



Mielke membentangkan kertas kerja pada Seminar Jawatankuasa Penasihat Program 2018 di Bangi, baru-baru ini.



Dari perspektif kuantiti pengambilan minyak sawit, EU kini semakin menjadi kurang penting"

Thomas Mielke,
Pengarah Eksekutif
Oil World

Mielke berkata, pemimpin industri minyak sawit dan pengguna perlu menyuarakan bahawa penggunaan minyak sawit dalam kehidupan seharian, sebagai usaha meletakkan komoditi itu di kedudukan lebih baik.

Beliau menggesa penggiat industri menyebarkan mesej berkenaan kepada dunia, sebagai usaha memberi pengetahuan kepada pengguna lain mengenai manfaat minyak sawit, yang tidak seharusnya diambil ringan ketika laporan negatif dan kritikan terhadap komoditi itu.

Vietnam, India teroka peluang penyelidikan

Oleh Siti Nurhajar Mariam
Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan delegasi Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (MARD), Vietnam dan Indian Council of Agricultural Research (ICAR), India di ibu pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Kedua-dua lawatan berkenaan bertujuan mempelajari lebih mendalam tentang industri sawit Malaysia, di samping meneroka peluang bagi menjalin penyelidikan bersama berkaitan sawit.

Lawatan delegasi MARD Vietnam yang diatur oleh World Bank tersebut merupakan kerjasama antara Unit Perancang Ekonomi, JPM dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Lawatan yang disertai oleh enam delegasi diketuai Timbalan Ketua Pengarah MRAD, Le Van Duc.

Delegasi lawatan dibawa ke ladang dan kilang sawit milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd di Pulay Carey, yang memberi peluang kepada mereka melihat lebih dekat dan memahami sistem pengurusan perladangan dan pemrosesan minyak sawit.

Mekanisasi perladangan

Di ladang, delegasi diperkenalkan dengan sistem mekanisasi perla-

dangan yang dipraktikkan dan melihat sendiri demonstrasi menuai buah sawit oleh pekerja ladang.

Mereka turut diberikan penerangan mengenai sistem kawalan biologi di ladang yang menggunakan burung hantu sebagai kawalan haiwan perosak.

Delegasi kemudiannya melawat MPOB bagi mendapatkan pendedahan mengenai aktiviti industri dan pencapaian industri sawit negara.

Lawatan ke MPOB disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez, Ghulam Kadir dan pegawai penyelidik kanan MPOB.

Semasa sesi kunjung tersebut, MPOB dan delegasi MARD bertukar pendapat tentang industri komoditi sawit, aktiviti R&D dan faedah yang boleh dikongsi melalui kerjasama antara kedua buah negara dalam penyelidikan yang dibangunkan MPOB.

Dalam perbincangan dua hala tersebut, delegasi MARD menggunakan peluang sepenuhnya untuk berinteraksi dengan penyelidik MPOB, bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan dan penyelidikan terkini, mengenai kegunaan minyak sawit dalam industri, jenis baka pokok sawit berkualiti dan teknologi mekanisasi perladangan yang diinovasikan MPOB selain sistem koperasi yang dilaksanakan bagi membantu pe-



Delegasi ICAR India diberi penerangan mengenai jenis baka sawit ketika melawat makmal Pusat Kemajuan Bioteknologi dan Biakbaka di ibu pejabat MPOB, Bangi.

kebun kecil sawit.

Sementara itu, delegasi ICAR India yang diketuai Dr Sanjeev Saxena turut disertai 12 orang delegasi.

Kunjungan tersebut bertujuan mengenali industri sawit di Malaysia, selain mendapat pendedahan mengenai teknologi biak baka dan tisu kultur yang dibangunkan MPOB dalam memenuhi kehendak industri.

MPOB yang dilihat sebagai pusat

rujukan terulung dalam penyelidikan genom sawit dunia, mendorong delegasi berkenaan turut mengambil kesempatan berkunjung ke MPOB sempena lawatan kerja ke Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Cari peluang kerjasama

Ketika pertemuan berkenaan, Dr Sanjeev Saxena mengutarakan hasrat ICAR dalam mencari peluang kerjasama bersama MPOB.

Antara yang diluahkan beliau ialah harapan berkolaborasi khususnya dalam R&D dan teknologi yang dibangunkan MPOB sebagai pencetus lonjakan industri sawit di India.

Dalam lawatan setengah hari itu, delegasi berkenaan turut dibawa melawat Makmal Tisu Kultur dan Galeri Sawit, untuk penerangan secara praktikal mengenai penyelidikan terkini yang dibangunkan MPOB.

Isteri ahli PAC kagum kelestarian sawit, alam semula jadi

→ Program lawatan ke FELDA Taib Andak, sekitar Selangor

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Program tahunan bagi isteri Ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berlangsung selama tiga hari melibatkan lawatan ke FELDA Taib Andak, Kulai, Johor dan sekitar Selangor.

Program lawatan berkenaan diatur sempena Mesyuarat PAC yang

diadakan saban tahun bagi membincangkan cadangan serta perkembangan projek penyelidikan yang dilaksanakan MPOB.

Pada tahun ini, delegasi lawatan diketuai isteri Ketua Pengarah MPOB, Datin Suraini Samakon.

MPOB menawarkan kelainan kepada peserta lawatan apabila membawa delegasi berkenaan mengenali susur galur penempatan FELDA Taib Andak, Kulai, Johor. Lokasi itu dipilih kerana FELDA Taib Andak adalah skim FELDA pertama yang menanam sawit iaitu pada tahun 1960-an.

Delegasi disambut meriah dengan iringan kompang dan tarian tradisional Johor di pekarangan Bangunan GPW FELDA Taib Andak oleh penduduk setempat.

Bagi delegasi luar negara yang pertama kali berpeluang melihat tarian zapin secara dekat, meluahkan rasa teruja dengan sambutan mesra yang ditunjukkan oleh warga FELDA Taib Andak.



Isteri ahli PAC MPOB bergambar di ladang sawit FELDA Taib Andak selepas menyaksikan demonstrasi menuai tandan sawit.

Delegasi turut diberi taklimat mengenai Felda Taib Andak oleh Pengerusi Kami Anak FELDA (KAF) cawangan FELDA Taib Andak, Azlan Arpan yang merupakan generasi kedua FELDA tersebut.

Program yang mengambil masa kira-kira empat jam di sekitar FELDA tersebut turut diselitkan dengan sesi lawatan ke rumah peneroka dan ladang sawit bagi melihat demonstrasi menuai buah tandan segar.

Lawatan ke FRIM

Hari kedua menyaksikan aktiviti lebih menarik dan mencabar bagi peserta apabila melawat ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang menuntut peserta untuk menaiki MRT daripada Stesen

Kajang ke Stesen Sungai Buloh.

Peserta dibawa meredah hutan buatan terbesar dunia diketuai jurupandu FRIM, Ong yang turut menyampaikan informasi bermanfaat mengenai ilmu perhutanan sepanjang sesi 'trekking'.

Panorama indah

Dalam meredah hutan yang dihuni lebih 3200 spesies hidupan dengan 15 juta pokok tersebut, peserta disaji dengan panorama menarik pancaran cahaya matahari yang menembusi kanopi hutan yang terbentuk semula jadi dengan diiringi alunan pelbagai bunyi penghuni rimba.

Aktiviti di hari kedua turut memabitkan lawatan ke Muzeum Coklat yang terletak di Kota

Damansara.

Para peserta berpeluang menyaksikan demonstrasi pembuatan coklat oleh chef terlatih dan turut terabit dalam aktiviti dekorasi coklat di akhir sesi lawatan.

Di hari terakhir program, peserta dibawa berkunjung ke Selangor Fruit Valley yang terletak di Batu Arang, Rawang, Selangor. Selangor Fruit Valley (SFV) atau dulunya dikenali sebagai Selangor Tropical Fruits Garden adalah ladang buah-buahan tropika disulami tanaman sayuran dan pokok herba yang mempunyai keunikan tersendiri.

Peserta diberi taklimat sebelum meneroka dengan lebih dekat tanaman herba yang mempunyai khasiat tersendiri.

China permudah urusan eksport sawit

Oleh Yoong Jun Hao dan Insyirah Mohamad Shah
jhyoong@mpob.gov.my /
insyirah@mpob.gov.my

Bangi: Kementerian Kastam Republik Rakyat China (Kastam China) mengadakan lawatan teknikal ke Malaysia untuk meninjau dan membincangkan isu perdagangan sawit serta penyambungan memorandum persefahaman di antara Malaysia dan China, berkaitan kualiti dan keselamatan minyak sawit Malaysia yang dieksport ke negara berkenaan.

Sempena lawatan tersebut, Kastam China mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), bagi membincangkan usahasama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China untuk memudahkan pengeksportan minyak sawit Malaysia ke negara China.

Delegasi China diketuai Timbalan Ketua Pengarah Kastam Tian-



Mohamad Nor Abdul Rahman (depan tiga dari kiri) dan delegasi Kastam China yang berkunjung ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi.

jin, Hou Jinpo, dan empat pengarah Kastam dari pelabuhan utama pengimportan minyak sawit di China.

Bincang perdagangan minyak sawit

Mesyuarat antara MPIC dan Kastam China membincangkan perdagangan minyak sawit dan cadangan

penyambungan memorandum persefahaman mengenai kualiti dan keselamatan minyak sawit Malaysia yang dieksport ke China yang akan tamat pada akhir 2018.

Menurut Kastam China, semua minyak sawit Malaysia yang dieksport ke China memenuhi keperluan mutu dan keselamatan negara tersebut.

Sehingga kini, tidak ada penghantaran minyak sawit dari Malaysia yang ditolak oleh pihak berkuasa China.

Selain itu, Kastam China mengadakan lawatan ke MPOB dan membincangkan isu teknikal perdagangan sawit, antaranya termasuk keupayaan penyuiran dalam pemprosesan minyak sawit dan sis-

tem kawalan mutu yang dijalankan oleh pihak MPOB dan Kastam China untuk memastikan keselamatan dan kualiti minyak sawit yang dieskport ke negara China.

Lawatan ke MPOB disambut dan diberi taklimat oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan), Mohamad Nor Abdul Rahman.

Tujuan utama lawatan teknikal ini adalah untuk mengkaji sistem kawalan mutu yang dijalankan oleh MPOB ke atas eksport minyak sawit ke negara China, serta mewujudkan mekanisme bagi memudahkan prosedur pemeriksaan kualiti ke atas minyak sawit yang diimport dari Malaysia.

Semasa di Malaysia, Kastam China melawat ke ladang dan kilang penapisan sawit di Sandakan serta Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok.

China merupakan salah satu pengimport utama minyak sawit Malaysia. Pada tahun 2017, eksport produk sawit Malaysia ke negara China mencatatkan 2.95 juta tan atau RM 9.18 billion.

Minyak sawit Malaysia: Fakta dan auta

Oleh Anthony K.Veerayan

Minyak sawit sejenis minyak sayuran yang juga komoditi terpenting keluaran Negara. Ia digunakan oleh lebih 3 bilion penduduk di seluruh dunia.

Bagaimanapun, industri sawit Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk penyebaran maklumat yang salah dan kurang tepat, yang gagal dibuktikan secara saintifik.

Berikut adalah Fakta dan AUTA berkaitan industri minyak sawit Malaysia;

→ **Auta 1:** Minyak sawit berkualiti rendah kerana ianya murah.

Minyak sawit didakwa berkualiti rendah kerana harganya yang murah berbanding minyak masak lain di pasaran.



→ **Fakta 1:** Kos pengeluaran minyak sawit rendah kerana produktiviti ladang sawit yang tinggi. Hakikatnya, pokok sawit menghasilkan 10 kali lebih minyak setiap hektar berbanding kacang soya manakala 6 kali lebih berbanding 'rapeseed'. Hasil tuaian yang tinggi membolehkan minyak sawit dipasarkan secara lebih kompetitif, pada harga yang berpatutan disamping kualitinya yang tinggi.

→ **Auta 2:** Kawasan hutan seluas 300 padang bola sepak dilupuskan setiap jam untuk tujuan penanaman ladang sawit.

Ini salah satu daripada dakwaan melampau tanpa asas oleh salah satu organisasi bukan kerajaan (NGO) terkemuka dunia. Namun demikian, pengguna gagal untuk menganalisa dakwaan ini.

Tanah pertanian berlesen

→ **Fakta 2:** Pokok sawit ditanam di kawasan tanah pertanian berlesen yang sah.

Keluasan bagi 1 padang bola bersamaan 0.70 Hektar. Oleh itu 300 padang bola x 0.70 Hektar x 24 jam (sehari) x 365 hari (setahun) bersamaan 1.8 Juta Hektar / tahun.

Pengiraan ringkas di atas jelas menafikan dakwaan tidak berasas ini kerana ia memberikan gambaran bahawa seluas 1.8 juta hektar kawasan ditebang dalam masa setahun.

Di Malaysia, penanaman pokok sawit secara komersial bermula pada 1917. Namun setelah 100 tahun penanaman komersial dijalankan, jumlah keluasan kawasan tanaman di Malaysia hanyalah 5.5 juta hektar sahaja.

Ini termasuk tanah pertanian yang dilesenkan oleh kerajaan yang merangkumi tanah pertanian lama dan kawasan hutan terdegradasi. Ini jelas menunjukkan tuduhan NGO tersebut sangat tidak berasas dan tidak benar sama sekali.

→ **Auta 3:** Minyak sawit mengandungi kolesterol

Ini salah satu persepsi negatif yang terdapat di kalangan pengguna terhadap minyak sawit.

→ **Fakta 3:** Minyak sawit bebas kolesterol

→ Minyak sawit berasal dari tumbuhan atau dikenali sebagai minyak sayuran. Semua minyak yang berasaskan tumbuhan adalah bebas kolesterol termasuklah minyak sawit.

Sebaliknya, semua jenis minyak yang berasaskan lemak haiwan mengandungi kolesterol. Oleh yang demikian, atas sebab kesihatan, pengambilan minyak berasaskan haiwan haruslah dikawal.

→ **Auta 4:** Minyak sawit meningkatkan kadar kolesterol darah

→ **Fakta 4:** Minyak sawit mempunyai kesan neutral terhadap kolesterol darah. Terdapat lebih 300 kajian saintifik serta terbitan yang merangkumi kultur sel, pemakanan sawit dalam binatang dan manusia yang membuktikan bahawa minyak sawit

mempunyai kesan yang neutral terhadap kolesterol darah, disamping dapat meninggikan kolesterol-HDL yang baik.

→ **Auta 5:** Minyak sawit mengandungi kandungan lemak tepu yang tinggi

→ Dakwaan ini sering kali digunakan oleh badan NGO barat untuk menyingkirkan saingan dari minyak tropika seperti sawit dan kelapa terhadap produk tempatan Eropah.

→ **Fakta 5:** Minyak sawit mengandungi kandungan lemak yang seimbang

→ Minyak sawit diiktiraf oleh badan CODEX Alimentarius sebagai minyak masak yang berkhasiat serta selamat untuk pemakanan manusia.

Minyak sawit mempunyai hampir 50% asid lemak tepu serta 40% asid lemak 'mono tak tepu' serta 10% asid lemak 'poly' tak tepu. Ini menunjukkan kandungan lemak tepu dan lemak tak tepu pada nisbah 1:1.

→ **Auta 6:** Minyak sawit kurang berkhasiat kerana zat-zat hilang semasa proses pemeringkatan

Minyak sawit yang melalui pelbagai peringkat pemrosesan didakwa tidak mengandungi zat penting.

→ **Fakta 6:** Minyak sawit kaya dengan vitamin E Tokotrienol (Tocotrienols) dan Tokoferol (Tocopherols).

Hakikatnya, minyak sawit kaya dengan Vitamin E Tokotrienol dan Tokoferol. Tokotrienol salah satu antioksidan yang sangat berkesan untuk penjagaan kesihatan manusia. Selain itu, minyak sawit merah juga adalah satu lagi sumber minyak yang kaya dengan provitamin-A serta karotenoid (carotenoids).

→ **Auta 7:** Kandungan minyak sawit disembunyikan sebagai minyak sayuran.

Sering kali minyak sawit dilabel sebagai minyak sayuran dalam senarai bahan-bahan yang digunakan dalam pemrosesan makanan untuk memperdaya pengguna.

→ **Fakta 7:** Semua jenis minyak makanan berasaskan tumbuhan dilabel sebagai 'minyak sayuran'.

Semua jenis minyak serta lemak berasaskan tumbuhan dilabel sebagai 'minyak sayuran'. Pengeluar makanan dibenarkan menggunakan istilah ini untuk melabelkan kandungan minyak sawit serta derivatif berasaskan sawit dalam makanan tersebut sebagai minyak sayuran.

Pentingkan kemampunan

→ **Auta 8:** Industri sawit tidak mementingkan kemampunan.

Peladangan sawit dianggap tidak mampan atau lestari kerana menyebabkan kemusnahan hutan dan kepupusan hidupan liar.

→ **Fakta 8:** Malaysia komited terhadap pengeluaran minyak sawit yang mampan.

Minyak sawit Malaysia dikeluarkan secara mampan dengan mematuhi semua garis panduan kebangsaan, melalui amalan pengurusan ladang yang baik.

Minyak sawit Malaysia disijilkan melalui organisasi seperti Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dan International Sustainability and Carbon Certificate (ISCC).

Antara kriteria yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan tersebut termasuklah mengelakkan penyahhutan, degradasi hutan, kehilangan habitat serta konflik sosial.

→ Fakta salah jejas kebaikan sebenar kandungan minyak sawit

1 Lemak Trans % Bebas lemak trans	2 Mudah dihadam	3 Sumber tenaga yang sangat baik
4 Sumber asid lemak yang penting	5 Membantu meningkatkan paras kolesterol baik - HDL	6 Mengandungi Vitamin E tokotrienol
7 Khasiat yang seimbang	8 Antioksidan yang membantu mencegah strok	9 Antioksidan yang membantu menghindari kanser
10 Kesan neutral ke atas kolesterol dalam darah	11 Bebas kolesterol	MPOC

Fakta menarik tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia



Bantuan kerajaan tingkat produktiviti pekebun kecil

Dalam kita menongkah arus globalisasi, semanginya tidak dinadikan sektor komoditi perlu melalui suatu anjakan paradigma ke arah usaha bagi memantapkan produktiviti lebih-lebih lagi industri sawit negara.

Hal ini benar memandangkan sebagai pengeksport kedua terbesar produk sawit selepas Indonesia, negara kita perlu mengambil langkah proaktif dan ideal dalam usaha memastikan peningkatan produktiviti terutamanya di kalangan pekebun kecil sawit sentiasa terjamin.

Menyedari hakikat tersebut, antara yang boleh diusahakan kerajaan dalam misi memastikan hasil produktiviti sawit meningkat dari semasa ke semasa ini adalah dengan memberikan bantuan kepada pekebun kecil.

Secara analoginya, pemberian bantuan kepada pekebun kecil sangat tepat pada masanya kerana disamping kerajaan dapat meningkatkan produktiviti pekebun kecil sawit sejajar dengan negara maju, kerajaan juga secara tidak langsung mampu meningkatkan pengeluaran produk sawit sekali Malaysia.

Justeru, antara contoh bantuan yang disalurkan kerajaan kepada pekebun kecil adalah seperti pemberian dana hampir RM50 juta bagi dimanfaatkan pekebun kecil dan pengusaha ladang sawit sementelah merealisasikan hasrat kerajaan mencapai pengeluaran 35 tan buah tandan segar serta 25 peratus kadar perahan minyak sawit menjelang 2020 kelak.

Manakala, bagi menarik minat pekebun kecil persendirian di Malaysia untuk dipersijilkan dengan MSPO di samping meningkatkan produktiviti mereka, kerajaan juga menyediakan peruntukan tambahan bagi tujuan



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Adawiyah Fauzi
SM Seri Dungun, Kuala Dungun, Terengganu

membantu program Pensijilan MSPO untuk pekebun kecil sawit.

Kedua-dua dana ini diurus tadbir oleh pihak MPOB. Antara skop utama penubuhan dana di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) ini adalah dengan membiayai kos pengauditan bagi pekebun kecil persendirian, membiayai kos bagi latihan, pembekalan peralatan perlindungan keselamatan diri (PPE) serta pemberian unit penyimpanan bagi baja dan bahan kimia.

Sebagai tambahan, pensijilan MSPO kepada pekebun kecil ini juga dapat memberi dorongan dan sokongan kepada mereka dalam mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP). Pelaksanaan GAP ini bertujuan meningkatkan pengeluaran buah tandan segar selain menjamin kualiti dan keselamatan produk sawit serta memelihara alam sekitar.

Melalui inisiatif dan bantuan ini, kerajaan secara tidak langsung dapat membantu pekebun kecil memperoleh pensijilan MSPO. Kelebihan pada pekebun kecil yang mana memiliki pensijilan MSPO ini adalah mendapat permintaan tinggi pembeli

dan pengilang. Hal ini sudah pasti memberi 1001 kebaikan kepada pekebun kecil di Malaysia kelak.

Bertepatan dengan slogan 1Malaysia, '1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', maka kerajaan menerusi MPOB tidak sesekali membiarkan pekebun kecil bersendirian membanting tulang menerajui industri sawit negara.

Sebaliknya, para pekebun kecil terus dibantu dari segenap aspek. Misalnya, MPOB melalui Pusat Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS) yang terdiri daripada pegawai pengembangan MPOB sentiasa menghulurkan tangan membantu pekebun kecil seluruh negara. Bahkan, pegawai TUNAS MPOB ini rata-ratanya banyak menyediakan khidmat pengembangan dalam usaha membangunkan industri sawit melalui penyampaian kaedah dan pelaksanaan teknologi baharu.

Sehingga kini, terdapat lebih 200 pegawai TUNAS di seluruh negara mengikut zon yang dilantik pihak MPOB. Semua ini adalah bagi memudahkan orang ramai terutamanya pekebun kecil mendapatkan nasihat dan sebagainya.

Kesimpulannya, banyak bantuan disediakan kerajaan kepada pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti masing-masing. Bantuan berbentuk input pertanian, program, pelaksanaan teknologi dan sebagainya dicurahkan kepada golongan pekebun kecil. Dengan harapan, pekebun kecil dapat mengambil peluang keemasan ini selain melibatkan diri secara aktif bersama kerajaan bagi meningkatkan produktiviti bahkan pendapatan pekebun kecil kemudian. Sesungguhnya, hendak seribu daya, tak hendak seribu upaya.

Produk sawit berkualiti dan mampan diterima pasaran global

Malaysia sentiasa komited dalam penghasilan sawit yang mampan dan berkualiti. Ternyata setiap usaha merupakan satu manifestasi kepada komitmen Malaysia untuk memajukan industri sawit tempatan.

Galakan pelaksanaan beberapa skim pensijilan yang menekankan aspek kemampanan dan amalan pertanian baik semakin memenuhi keperluan dan kehendak masa kini. Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) merupakan pelaksanaan positif memastikan industri sawit kekal relevan di pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Transformasi industri sawit Malaysia untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan mampan akan menjadi matlamat yang memberi kesan positif apabila penerimaannya menembusi pasaran global. Selain itu, matlamat ini mampu mendorong kepada peningkatan pengeluaran minyak sawit mampan untuk jangka masa panjang.

Keperluan untuk mematuhi piawaian yang ditetapkan bagi memenuhi permintaan daripada luar negara yang menggunakan minyak sawit dan produk sawit yang dihasilkan oleh Malaysia. Sehubungan itu, kerajaan cakna dengan penghasilan minyak sawit dan produk sawit berkualiti.

Kesan daripada konsistensi amalan mampan dalam industri sawit, Malaysia mampu tingkatkan penggunaan minyak sawit pada tahap global dan antara-bangsa selain menghasilkan produk sawit bernilai premium.

Malaysia dan Indonesia merupakan dua negara pengeluar utama minyak sawit dunia yang menghasilkan 80



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Nur Izwani binti Omar
Sri Manjung, Perak

peratus pengeluaran minyak sawit bagi kegunaan sejagat. Dalam konteks yang sama, minyak sawit Malaysia telah berjaya dieksport ke lebih 200 negara, seterusnya membekalkan sumber makanan kepada penduduk dunia.

Ini menunjukkan bahawa industri sawit semakin menjadi tempat untuk menjadi penyumbang penting kepada kesejahteraan ekonomi negara serta peneraju peningkatan pengeluaran minyak sawit di peringkat global dapat melonjakkan identiti Malaysia sebagai negara pengeluar.

Bagi memastikan industri sawit berada pada paksi yang rancak, kerajaan Malaysia terus memacu langkah dalam memberikan perhatian serius untuk penghasilan dan pengeluaran produk sawit yang berkualiti dan mampan.

Pada masa kini, kepentingan gaya hidup yang lebih sihat telah membuka mata masyarakat sejagat. Sehubungan itu, pelbagai inovasi dilakukan untuk memenuhi keperluan dan permintaan masyarakat. Sememangnya, produk sawit mampan dan berkualiti berupaya melengkapkan keperluan tersebut.

Terdapat beberapa bukti penerimaan masyarakat

dari negara luar terhadap produk berasaskan sawit. Antaranya, Amerika Syarikat telah memilih untuk menggunakan sumber mentah berasaskan sawit yang didorong oleh produk oleokimia buatan Malaysia. Kesannya, banyak syarikat di Amerika lebih memilih minyak sawit mampan dari Malaysia yang tidak disangkal kualitinya serta diperakui sebagai alternatif kepada minyak lain.

MSPO yang memberi fokus kepada sektor perladangan, pekebun kecil dan kilang sawit adalah sejajar dengan usaha penjenamaan minyak Malaysia bagi meningkatkan penggunaan produk berasaskan sumber tersebut secara global.

Sebagai contoh, penerimaan yang memberangsangkan dari Ghana selaku negara luar terus memberikan khabar gembira buat Malaysia. Ini kerana Ghana menyatakan minat untuk menubuhkan satu organisasi minyak sawit persis MPOB sebagai usaha membangunkan industri sawit di negara tersebut. Pada 2017, Ghana mengimport 270,328 tan minyak sawit daripada Malaysia. Ia menunjukkan peningkatan 33 peratus berbanding import 202,566 tan minyak sawit pada 2016.

Implementasi piawaian yang tinggi dalam setiap langkah pengeluaran produk sawit dan minyak sawit bermula dari penanaman sehinggalah tuaian hasil sawit. Kualiti minyak sawit menjadi antara elemen penting yang diambil kira.

Amalan sawit mampan bukan sahaja berupaya menghasilkan minyak sawit berkualiti bahkan ia dijamin selamat dimakan dan akan diterima di pasaran antarabangsa.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MEI 2018

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Industri sawit mampan jamin pasaran peringkat antarabangsa. Bincangkan".

Kategori 2 – Awam
Tajuk: "Revolusi Industri 4.0 akan mengukuhkan pasaran sawit negara. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama : **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua : **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga : **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan JUN 2018 akan datang.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN APRIL 2018

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Adawiyah Fauzi
SM Seri Dungun
Kuala Dungun, Terengganu

Hadiah Kedua
Tiada pemenang

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Nur Izwani Omar
Sri Manjung, Perak

Hadiah Kedua
Norhafiza Ramli
Dungun, Terengganu

Hadiah Ketiga
Nur Ainna Ali Anuar
Johor Bahru, Johor

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor telefon, alamat email (jika ada) nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Mei 2018.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)
Email: watie@mpob.gov.my



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi semantara, Datuk Seri Mah Siew Keong melancarkan Karnival Jelajah MSPO anjuran Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) di Arena Square, Teluk Intan, Perak. Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk K Yogeesvaran dan Pengerusi MPOCC, Datuk M Nagarajan.



Datuk K Yogeesvaran dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din melihat demonstrasi mesin perincih pelepah sawit yang diserah kepada pekebun kecil sawit melalui skim intensif ternakan dengan sawit sempena perasmian Pusat Timbang Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Teluk Intan Berhad di Kg Belt, Hilir Perak.



Datuk Seri Mah Siew Keong menyertai pekebun kecil sawit melihat dron bagi semburan *Bacillus Thuringiensis* (BT) untuk kawalan ulat bungkus di Sg Suli, Teluk Intan, Perak.



Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah bergambar bersama Ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) sempena Mesyuarat PAC Ke-38 di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.



Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir menerima anugerah The Golden Globe Tigers Award for Green Future Leadership mewakili MPOB di Kuala Lumpur, baru-baru ini.